



IMARAH

مَارَةٌ



MASJID IBN ABBAS, TAMAN IBU KOTA, KUALA LUMPUR

BIL : 1

BULETIN

2020

Sekapur Sireh

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ



Alhamdulillah, segala puji dan syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan rahmat-Nya, IMARAH – buletin sulung Masjid Ibn Abbas (MIA) ini dapat diterbitkan. Tujuan utama buletin ini adalah untuk memberikan maklumat semasa berkaitan pengurusan, aktiviti pengimaranan dan sesi pengajian kepada jemaah masjid ini.

Pihak Jawatankuasa Kariah (AJK) MIA telah menambah baik sistem pentadbiran berdasarkan peredaran semasa dan situasi pandemik Covid-19 dengan memanfaatkan platform media elektronik seperti aplikasi WhatsApp, e-kuliah, FB-Live dan Google Meet. Pihak MIA percaya bahawa pendekatan yang progresif ini lebih berkesan untuk lapisan jemaah yang pelbagai. MIA juga telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan program yang sejajar dengan 5 Teras (Quick Win) yang telah digariskan dalam Pelan Pengimaranan Masjid-Masjid Wilayah Persekutuan 2020-2024 iaitu Ibadah, Pendidikan dan Keilmuan, Ekonomi, Dakwah dan Sosial, Komuniti dan Alam Sekitar.

Takwim MIA 2020/21 telah dirangka dengan mengambil kira input AJK MIA bagi memastikan aktiviti pengimaranan dan pembangunan masjid lebih strategik. Justeru, dana MIA daripada sumbangan orang ramai akan dibelanjakan mengikut perancangan takwim seperti agihan kepada surau-surau kariah MIA dan sumbangan kepada golongan asnaf. Pihak MIA cakna dan sentiasa memikirkan cara untuk terus membantu anak-anak kariah bagi meningkatkan taraf kehidupan keluarga.

Di kesempatan ini, saya menyeru pihak pengurusan masjid-masjid di Malaysia untuk memperbaiki pengurusan dana dengan mengamalkan pendekatan baharu yang lebih telus dan mesra serta proaktif dalam membelanjakan wang ke arah kebaikan demi kemaslahatan orang ramai.

Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang meringankan daripada seorang mukmin satu kesusahan di dunia, Allah SWT akan meringankan daripadanya satu kesusahan di Hari Kiamat. Sesiapa yang memudahkan orang yang kesempitan, Allah akan memudahkannya di dunia dan akhirat ... Allah sentiasa menolong seseorang hamba selama mana hamba itu menolong saudaranya." Hadis Riwayat Muslim (2699).

Tahniah diucapkan kepada AJK MIA yang telah bertungkus-lumus menyumbangkan idea dan usaha dalam menerbitkan buletin ini. Terima kasih tidak terhingga atas segala jasa bakti dalam menguruskan pentadbiran MIA secara satu pasukan dan tidak lupa juga kepada anak kariah kerana sentiasa memberikan kerjasama dalam setiap aktiviti yang dijalankan MIA.

Diharapkan usaha menerbitkan buletin ini dapat membuka minda kita dan seterusnya memperhebat imej pengurusan masjid dan surau ke arah yang lebih berketerampilan.

Sekian.

"Masjid Maju Ummah Sejahtera"

HJ. NIZAM SHAH BIN MOHD NOOR
Pengerusi
Masjid Ibn Abbas

SIDANG EDITOR

PENAUNG :

HJ. NIZAM SHAH BIN MOHD NOOR
Pengerusi Masjid Ibn Abbas

KETUA EDITOR

EN. AHMAD ZAMRI BIN HASAN
Ketua Biro Penerangan Dan Penerbitan

EDITOR

DATO' HJ. HASSAN BIN MOHD AMIN
DATO' ARIFIN BIN CHE MAT
HJ. KAMARUDIN BIN ISMAIL

EN. MUHD SYAHAMIRUL EDININ BIN ABD HAMID

EN. MARWAN HADID BIN NOR KHAIR

EN. AHMAD KHAIRI BIN MAHIDIN

EN. ZUL AZRI BIN MD. NASIR

EN. ABDUL LATIF BIN ABD RAHIM

HJH. TEH ROKIAH BINTI MOHAMAD SHARIF

HJH. NORHANIM BINTI AZMAN

PN. ARMI BINTI MOHAMED RAMLI

EN. MUHAMAD SHALAHUDDIN BIN MUHAMAD AJIB

LIKE US ON
 facebook

MASJID IBN ABBAS

IMBAS QR KOD



MASJID IBN ABBAS



MASJID IBN ABBAS



masjidibnabbastik.com.my



CARTA ORGANISASI

MASJID IBN ABBAS, TAMAN IBU KOTA, KUALA LUMPUR
SESI 2020 - 2023



TUAN HAJI MOHD AJIB ISMAIL
PENGARAH
JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN JAWI

TN. MOHD ZAKUWA BIN RODZALI
KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN
BAHAGIAN PENGURUSAN MASJID, JAWI

USTAZ MOHD SHIHAM BIN RAMLI
PENOLONG PENGARAH KANAN, PUSAT PENTADBIRAN ZON 2,
BAHAGIAN PENGURUSAN MASJID, JAWI

PENGURUSI
HJ NIZAM SHAH
BIN MOHD NOOR
012-224 4995

TIMBALAN PENGURUSI
DATO HASSEN
BIN MOHD AMIN
019-356 6087

PEMANGKU KETUA IMAM
USTAZ MOHD SHUKRI
BIN HJ SHAFIE
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam S29

SETIAUSAHA
EN. MUHD SYAHAMIRUL EDININ
BIN ABD HAMID
012-313 3094

BENDAHARI
EN. AHMAD KHAIRI
BIN MAHIDIN
013-394 8984

KETUA BILAL
USTAZ MOHD FIRDAUS
BIN ABDUL RAHMAN SIDE
Pembantu Pegawai Hal Ehwal Islam S19

BIRO PEMBANGUNAN & EKONOMI
HJ NIZAM SHAH
BIN MOHD NOOR
012-224 4995

BIRO KEBAJIKAN
EN. ZUL AZRI
BIN MD NASIR
017-567 5761

BILAL RAWATIB 1
HJ MOHD YUNOS
BIN HASHIM

BIRO KHIRAT KEMATIAN
DATO' ARIFIN
BIN CHE MAT
019-240 1914

BIRO PENERANGAN & PENERBITAN
EN AHMAD ZAMRI
BIN HJ HASAN
019-224 5568

BILAL RAWATIB 2
HJ NAVEER
MOHIDEEN

BIRO KECERIAAN DAN KESELAMATAN
HJ KAMARUDIN
BIN ISMAIL
012-304 7022

BIRO PENDIDIKAN & DAKWAH
EN. MARWAN HADID
BIN NOR KHAIR
019-664 7667

BILAL RAKYAT
EN. MOHD ABDU BAKAR
BIN ABDULLAH

BIRO TEKNOLOGI MAKLUMAT
HJ ABDUL LATIF
BIN ABD. RAHIM
019-486 5772

BIRO BELIA
USTAZ MUHAMAD SHALAHUDIN
BIN MUHAMAD AJIB
017-635 3769

NOJA
EN. AHMAD KHAIRI
BIN MAHIDIN

BIRO MUSLIMAT
PUAN NORHANIM
BT AZMAN
019-389 7727

BIRO MUSLIMAT
HJH TEH ROKIAH
BT MOHAMED SHARIF
019-350 0888

BIRO BELIWAHANIS
PUAN ARMII
BT. MOHD RAMLI
013-358 8813

SENARAI AHLI JAWATANKUASA

Ketua Biro

Hj. Mat Admara Bin Alang Azizdin (July '20 - Okt '20)
En. Marwan Hadid Bin Nor Khair (Nov '20 - Kini)

Ahli Jawatankuasa Kerja

En. Abdul Latif Bin Abd. Rahim
Ustaz Muhamad Shalahuddin Bin Ajib
Ustaz Mohd Shukri Bin Hj Shafie
Ustaz Mohamad Nukman Bin Hishamuddin

MENJAGA ADAB KETIKA MENUNTUT ILMU

Menuntut ilmu merupakan fardhu ain bagi setiap individu. Dengan ilmu, dapat memandu seseorang ke arah kesejahteraan dan keredhaan. Sebelum menuntut ilmu beberapa adab perlu dipelajari agar ilmu yang dituntut mendapat keberkatan. Sebab itu, ilmu yang mula-mula biasanya dipelajari ialah ilmu adab (akhlik) sebelum mempelajari ilmu-ilmu lain.

Adab-adab menuntut ilmu, antaranya:

MENGIKHLASKAN NIAT: Iaitu menuntut ilmu dengan ikhlas kerana Allah SWT. Firman Allah yang bermaksud: "Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Yang demikian itulah ugama Yang benar." (Surah Al-Bayyinah, ayat 5)

BERDOA AGAR MENDAPAT ILMU YANG BERMANFAAT: Iaitu kita hendaklah berdoa kepada Allah taala agar mendapat ilmu yang bermanfaat. Kita juga perlu berlindung daripada ilmu yang tidak manfaat. Belajar dengan bersungguh-sungguh: Sebagai penuntut ilmu, kita hendaklah sentiasa merasa dahagakan ilmu dan tidak bersikap malas. Nabi Muhammad SAW bersabda: "Dua orang rakus yang tidak pernah kenyang: iaitu (1) orang yang rakus terhadap ilmu dan tidak pernah kenyang dengannya dan (2) orang yang rakus terhadap dunia dan tidak pernah kenyang dengannya." (Hadis riwayat Al-Baihaqi)

MENJAUHKAN DIRI DARI MAKSIAT DAN DOSA: Kemaksiatan dan dosa dapat menghalang kita dari mendapat ilmu yang bermanfaat, mematikan hati, merosakkan kehidupan.

TIDAK MALU DAN SOMBONG: Ketika menuntut ilmu kita dilarang untuk malu dan sompong, kerana akan menyukarkan mendapat ilmu. Sabda Rasulullah SAW daripada Imam Mujahid rahimahullah yang maksudnya: "Dua orang yang tidak belajar ilmu: seorang pemalu dan seorang yang takbur." (HR Bukhari)

Antara Asatizah Yang Menyampaikan Ilmu Di Masjid Ibn Abbas



Ustaz Hanafiah Malik



Ustaz Harryanto Rizal



Ustaz Hafiz Fauzi



Ustazah Muzayyanah



Ustazah Dr Robiah



Ustaz Jafri Abu Bakar

PENUNTUT ILMU DIANGGAP PEJUANG DI JALAN ALLAH

عَنْ أَنَسٍ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَهُ: مَنْ خَرَجَ فِي طَلَبِ الْعِلْمِ فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ حَتَّى يَرْجِعَ. رَوَاهُ التَّرمِذِيُّ، وَقَالَ: حَدَّيْثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ

Daripada Anas r.a berkata:

Rasulullah SAW berabsinda: "Barangsiapa yang keluar untuk menuntut ilmu, maka dia di dalam sabillallah sehingga dia pulang." (HR : Al-Tirmidzi)

MENDENGAR PELAJARAN YANG DISAMPAIKAN GURU DENGAN BAIK:

Firman Allah SWT maksudnya: "...Oleh itu gembirakanlah hamba-hambaKu – Yang berusaha mendengar perkataan-perkataan yang sampai kepadanya lalu mereka memilih dan menurut akan yang sebaik-baiknya (pada segi hukum ugama); mereka itulah orang-orang yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan mereka itulah orang-orang yang berakal sempurna." (Surah Az-Zumar: ayat 17-18)

DIAM KETIKA BELAJAR: Iaitu kita perlulah diam ketika menuntut ilmu dan tidak bercakap-cakap perkara yang tiada manfaat. Firman Allah SWT yang maksudnya: "Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan ia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat." (Surah al-A'raaf, ayat 204)

MENGIKAT ILMU DAN PELAJARAN DENGAN TULISAN:

Iaitu perlu mencatat pelajaran yang dipelajari agar mendapat faedah dan manfaat. Ia juga bertujuan agar ilmu yang disampaikan tidak hilang dan terus melekat dalam ingatan setiap kali pelajaran diulangi. Sabda Nabi Muhammad SAW yang maksudnya: "Ikatlah ilmu dengan tulisan."(HR Ibn 'Abdil Barr)

BERUSAHA MEMAHAMI ILMU YANG DISAMPAIKAN: Untuk memahami sesuatu ilmu, penuntut ilmu perlulah duduk di hadapan guru, memerhatikan penjelasan guru dengan baik. Mengulang kaji pelajaran yang dipelajari dan mengamalkan ilmu.

MENGAMALKAN ILMU YANG DIPELAJARI: Nabi Muhammad SAW bersabda: "Perumpamaan seorang alim yang mengajarkan kebaikan kepada manusia, kemudian dia melupakan dirinya (tidak mengamalkan ilmunya) adalah seperti lampu (liliin) yang menerangi manusia, namun membakar dirinya sendiri." (HR at-Tabrani)

MENYAMPAIKAN ILMU: Iaitu menyampaikan ilmu yang dipelajari supaya dapat dimanfaatkan kepada masyarakat. Justeru, untuk meningkatkan sesuatu pengetahuan, ilmu perlulah dicari agar dapat memajukan diri sendiri. Adab-adab sebagai penuntut ilmu perlu dipelajari agar kita mendapat ilmu yang mudah dan berkat.

Program Wilayah Persekutuan Berselawat & Bermunajat memohon perlindungan dan kesejahteraan sempena penularan wabak Covid-19



SENARAI AHLI JAWATANKUASA**PENGERUSI**

DATO' ARIFIN BIN CHE MAT
019 240 1914

SETIAUSAHA

OTHMAN BIN NAWANG
016 606 2867

BENDAHARI

AHMAD KHAIRI BIN MAHIDIN
013 394 8984

TEKNOLOGI MAKLUMAT

ABDUL LATIF BIN ABDUL RAHIM
019 486 5772

PENGURUSAN JENAZAH

HJ. MOHAMMAD PAIZ BIN SHAARI
019 358 9124

AJK (WAKIL TAMAN IBU KOTA)

SUZAIRI BIN DATO' MOHD SUKON
019 288 8608

AJK (WAKIL TAMAN DANAU KOTA)

SYED JALALUDDIN BIN SYED WAZIR
010 783 5976

AJK (WAKIL TAMAN SETAPAK INDAH)

HJ GHAZI BIN HJ. OMAR
011 2337 0488

AJK (WAKIL PV12)

SAIFUL ASFAR BIN A.RAHMAN
019 615 2163

AJK (WAKIL SETAPAK INDAH FASA 7)

ISMAIL BIN MOHD ARSHAD
016 278 5474

AJK (WAKIL MUSLIMAT / TERATAI MEWAH/ MEDAN IDAMAN)

AMINAH BINTI HJ ABD SHUKOR
012 660 7270
INTAN SURIA BINTI MOHD NOOR
012 204 7170

FIRMAN ALLAH SWT

قُلْ إِنَّ الْمَوْتَ الَّذِي تَفْرُونَ مِنْهُ فِي أَنَّهُ مُلْهِكٌ لَّكُمْ لَا تُرَدُّونَ
إِلَى عَالَمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيَعْلَمُكُمُ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Katakanlah (wahai Muhammad):

"Sebenarnya maut yang kamu larikan diri daripadanya itu, tetaplah ia akan menemui kamu; kemudian kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata, lalu ia memberitahu kepada kamu apa yang kamu telah lakukan ." **SURAH AL JUM'AH AYAT 8**

5 TERTIB PENGURUSAN HARTA PUSAKA DALAM ISLAM

Pengurusan harta pusaka adalah sebahagian daripada proses perancangan kewangan yang penting. Dalam islam, faraid memainkan peranan besar dalam penentuan pembahagian harta.

Pengurusan harta pusaka dalam kalangan umat Islam adalah satu prosedur yang penting untuk difahami, khususnya untuk masyarakat Islam.

Tanpa pengurusan harta pusaka yang baik, pelbagai pertikaian boleh berlaku sehingga menyebabkan kepada konflik perebutan harta, permusuhan keluarga sehingga memerlukan penyelesaian mahkamah.

Mengapa ia berlaku? Jawapannya adalah kerana kekurangan pengetahuan dalam menguruskan harta pusaka dalam kalangan keluarga atau waris yang terlibat. Terdapat beberapa tertib (langkah) yang boleh dilakukan untuk mengelakkan daripada berlaku sebarang pertelingkahan dan memastikan pembahagian harta pusaka yang lebih adil selepas berlakunya kematian.

#1. Asing

Lakukan pengasingan terhadap harta yang dimiliki atau yang diuruskan oleh si mati ketika hayatnya. Mungkin tidak semua harta yang diuruskan si mati adalah kepunyaan mutlaknya seperti harta wasiat, harta yang telah dijual, harta yang dihibahkan dan juga harta yang diwakafkan oleh si mati pada hayatnya.

Bagi yang berminat menjadi ahli khairat kemataian masjid ibn abbas, sila dapatkan borang di Pejabat Masjid @ download dengan mengimbas QR kod dibawah.

Sila serahkan borang kepada **AJK WAKIL TAMAN** masing-masing untuk proses seterusnya.

YURAN PENYERTAAN AHLI KHAIRAT KEMATIAN MASJID IBN ABBAS :

SETAHUN	: RM 50.00
SEUMUR HIDUP	: RM 500.00
Yuran Pendaftaran	: RM 20.00



564221636596

BADAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID IBN ABBAS

**IMBAS QR UNTUK DAPATKAN
BORANG KEAHLIAN KHAIRAT
KEMATIAN (MASJID IBN ABBAS)**



#2. Tuntut

Dalam langkah ini, waris perlu melunaskan hutang piutang yang telah ditinggalkan oleh si mati. Hutang yang dimaksudkan dibahagikan kepada dua kategori iaitu hutang dunia dan hutang akhirat. Hutang yang melibatkan orang perseorangan, syarikat atau pihak kerajaan dianggap sebagai hutang yang perlu diselesaikan.

Hutang akhirat seperti pelaksanaan ibadah haji yang belum dibuat oleh si mati sedangkan dia berkemampuan boleh dilunaskan dengan menggunakan harta peninggalannya.

Dalam hal ini, waris juga perlu melunaskan tuntutan cukainya mengikut Seksyen 74 dan Seksyen 106 Akta Cukai Pendapatan 1967 kerana Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDNM) mempunyai kuasa untuk menuntut baki cukai tertunggak daripada waris atau pentadbir harta pusaka. Tuntutan tersebut akan dibuat terhadap hartanya. Waris perlu memastikan si mati tiada sebarang tunggakan cukai pendapatan sebelum ia diagihkan. LHDNM juga boleh membuat tuntutan baki cukai yang tidak dijelaskan melalui tindakan sivil

#3. Bahagi harta sepencarian

Harta sepencarian ialah harta yang dimiliki dan diusahakan secara bersama oleh si mati dan pasangannya semasa hayatnya. Sekiranya pasangan tidak bekerja atau tidak mempunya sumber pendapatan yang tetap, pasangan yang hidup juga boleh menuntut harta sepencarian. Contohnya isteri yang tidak bekerja atau tiada punca pendapatan yang tetap serta menjadi suri rumah sepenuh masa boleh menuntut harta sepencarian yang ditinggalkan oleh pasangannya yang telah meninggal dunia.

Ia kerana isteri merupakan teman hidup yang banyak membantu suaminya dalam menguruskan rumah tangga dan meringankan beban suami sebagai ahli keluarga untuk mencari rezeki.

#4. Pelaksanaan wasiat

Wasiat ialah hasrat atau pesanan si mati yang dibuat semasa hayatnya namun ia hanya boleh dilaksanakan apabila pewasiat sudah meninggal dunia.

Harta yang ditinggalkan oleh si mati boleh diuruskan dengan pelaksanaan wasiat asalkan tidak melebihi 1/3 daripada jumlah harta yang ditinggalkan. Wasiat juga boleh diberikan kepada bukan waris asalkan tidak melebihi 1/3 daripada jumlah harta yang telah ditinggalkan. Wasiat juga boleh diberikan kepada bukan waris yang berhak mendapat harta pusaka peninggalannya.

Wasiat perlu dibuat secara bertulis melalui pihak yang menyediakan perkhidmatan wasiat seperti Amanah Raya Berhad dan lain-lain agensi wasiat yang diktiraf di Malaysia. Kandungan wasiat juga boleh berubah berdasarkan perkara yang diingini oleh pewasiat semasa hayatnya.



#5. Pelaksanaan faraid

Faraid ialah bahagian yang telah ditetapkan oleh syarak kepada waris si mati. Waris pula terbahagi kepada beberapa kategori iaitu waris utama, waris gentian, waris sisian pertama dan waris sisian kedua. Waris utama adalah insan yang paling rapat dengan si mati iaitu ayah, ibu, pasangan (suami atau isteri), anak lelaki dan anak perempuan.

Setiap daripada waris utama ini mempunyai hak dan kadar masing-masing dalam pembahagian harta faraid. Contohnya, bapa akan memperoleh hak sebanyak 1/6 daripada harta faraid tersebut. Ibu berhak sebanyak 1/3 (sekiranya si mati tidak mempunyai anak) dan 1/6 (sekiranya si mati mempunyai anak). Manakala pasangannya iaitu suami berhak sebanyak ½ (sekiranya si mati tidak mempunyai anak) dan ¼ (sekiranya si mati mempunyai anak).

Begitu juga dengan isteri, hak isteri ialah sebanyak ¼ (sekiranya si mati tidak mempunyai anak) dan 1/8 (sekiranya pasangan mempunyai anak). Manakala hak anak perempuan pula ialah ½ (sekiranya si mati hanya mempunyai seorang anak perempuan sahaja), 2/3 hak (sekiranya si mati ada lebih daripada seorang anak perempuan dan dibahagikan sama rata di antara mereka).

Namun begitu, hak anak perempuan juga tertakluk kepada kategori asobah Bil ghari iaitu sekiranya anak perempuan tersebut mempunyai adik beradik lelaki maka pembahagian perlu dilakukan dengan kadar sebanyak 2 bahagian bagi lelaki dan 1 bahagian bagi perempuan.

Sebaliknya anak lelaki akan mengambil seluruh harta jika tiada waris fardu (waris yang telah ditentukan haknya).

Kesimpulan

Tertib dalam pengurusan harta pusaka Islam bukanlah perkara yang boleh dipandang remeh. Sesungguhnya, memahami kaedah pembahagian harta dalam Islam amatlah penting dan dititik beratkan malahan perlaksanaannya adalah berdasarkan ketetapan yang telah dinyatakan dalam al-Quran dan hadis.

PROJEK MENAIK TARAF PRASARANA MASJID IBN ABBAS

Biro Pembangunan dan Ekonomi (BPE) Masjid Ibn Abbas telah merancang untuk menambah baik prasarana masjid yang sedia ada. Perancangan pembangunan bagi fasa pertama yang dimaksudkan adalah,

Projek penambahan ruang solat

Projek pembinaan ‘Tube Well’

Projek menambahbaik papantanda

Projek pembinaan laman sesawang rasmi masjid

Pembentangan kertas kerja oleh biro telah dilakukan pada 13 September 2020 yang lalu.

Projek penambahan ruang solat, dalam anggaran seluas 210m persegi dijangka dapat memuatkan lagi seramai 200 orang jemaah dalam satu masa. Perancangan penambahan ruang solat ini telah mengambil kira keluhan penduduk kariah di bawah Masjid Ibn Abbas yang tidak berpeluang bersolat disebabkan penetapan peraturan norma baru oleh MKN dan JAWI diwaktu pandemik COVID 19 ini. BPE telah memaksimakan penggunaan kawasan masjid yang sesuai untuk tambahan kawasan solat dengan harapan dapat memberi lebih peluang kepada ahli kariah untuk bersolat di Masjid Ibn Abbas.



Ruang solat yang bakal diubahsuai bagi memuatkan lebih Jemaah solat.

Projek pembinaan ‘Tube Well’ atau dikenali sebagai telaga air tanah ini bakal dibina untuk membantu membekalkan sumber air bawah tanah bagi kegunaan masjid. Memandangkan bekalan air bersih di kawasan ini kerap menghadapi gangguan pada ketika ini, cadangan pembinaan ‘Tube Well’ ini dijangka dapat mengatasi masalah tersebut. BPE akan bekerjasama dengan Jabatan Mineral dan GeoScience Cawangan Selangor dan Kuala Lumpur (JMG) bagi membantu mengesan kesesuaian struktur tanah di kawasan masjid sebelum operasi gerudi dilakukan. Hasil keluaran air dijangkakan sebanyak 70-80 liter/min, dengan kekuatan pam 1HP. Dengan adanya

SENARAI AHLI JAWATANKUASA

Ketua Biro

En. Nizam Shah Bin Mohd Noor

Ahli Jawatankuasa Kerja

Dato' Hassan Bin Mohd Amin

En. Muhd Syahmirul Edinin Bin Abd Hamid

En. Marwan Hadid Bin Nor Khair

En. Abdul Latif Bin Abdul Rahim

En. Naveer Moheedin

kemudahan tambahan ini, ia dijangka dapat memberi lebih manfaat kemudahan berterusan kepada masjid dan ahli kariah walaupun berdepan dengan krisis air di masa hadapan.



Contoh kerja pengerudian air bawah tanah.

Manakala 17 peratus dari nilai peruntukan pembangunan fasa pertama ini bakal digunakan untuk penjenamaan semula masjid dengan menambahbaik papan tanda nama masjid dan papan tanda info dalam masjid serta pembinaan laman sesawang rasmi Masjid Ibn Abbas. Keperluan bagi pembinaan laman sesawang rasmi masjid ini pula selari dengan perkembangan teknologi internet yang menjadikan ia sebagai salah satu saluran penyebaran maklumat yang semakin penting yang tidak terbatas hanya kepada masjid dan kariah sahaja. Antara kepentingan laman sesawang ini juga adalah sebagai saluran dan maklumat rasmi, perkhidmatan, mempromosi aktiviti dan sokongan konsep e-pengurusan masjid yang lebih efektif dan bersistematis.

Majlis Jawatankuasa Masjid Ibn Abbas telah meluluskan pelan tersebut pada 22 Oktober 2020 lalu. Menurut BPE, projek-projek yang menelan kos kira-kira RM150 ribu tersebut dijangka bermula pada Januari tahun hadapan (2021) dan (dijangka) selesai pada Mac tahun hadapan (2021). Sebahagian besar dari kos perlaksanaan adalah dari dana wakaf sumbangan orang ramai. Dana wakaf diberi nama **WAKAF IMARAH** pembangunan tersebut bakal dibuka pada awal Januari 2021 serentak dengan perlaksanaan projek berkenaan.

PENJANAAN EKONOMI MASJID DAN KARIAH

Bazaaria PKPB Masjid Ibn Abbas

Ahli Jawatankuasa Biro (BPE), telah mengambil langkah pro-aktif untuk membantu anak kariah yang terkesan akibat pandemic COVID-19 dengan memperkenalkan "Bazaaria PKPB Masjid Ibn Abbas". Dengan mengambil kesempatan atas inisiatif yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan 'Wilayah Bebas Berniaga' dan juga program 'Quick Win' oleh pihak JAWI, BPE berpendapat program ini dapat dimanfaat oleh anak kariah terutamanya untuk golongan yang terkesan. Menerusi inisiatif itu, anak kariah Masjid Ibn Abbas dibenarkan bermiaga apa sahaja jenis makanan halal dan bersih bermula 16 November yang lalu.

Pengerusi Masjid Ibn Abbas, En Nizam Shah Bin Mohd Noor berkata, inisiatif itu dibuat bagi meringankan beban penduduk kariah di bawah Masjid Ibn Abbas susulan pelaksanaan kembali Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi menangani Covid-19. Program ini turut mendapat perhatian media TV9 dalam slot Pintu Rezeki.






**BAZARIA PKPB
MASJID IBN ABBAS**

**TAPAK NIAGA
PERCUMA !!**

6 LOT DISEDIAKAN
Setiap Hari Kecuali Isnin
7.00 PAGI - 12.00 TGH




Berminat, Sila Hubungi:
En. Latif:
019-486 5772
En. Ahmad Khairi:
013-394 8984

Tabung Infaq 'Drop-Off' Masjid Ibn Abbas

Bagi memudahkan para tetamu Allah untuk berinfaq, pihak pengurusan masjid telah menyediakan tabung Infaq 'Drop-Off' di pintu masuk utama masjid. Tabung berkenaan disediakan selepas mengambil kira pendapat dan cadangan para tetamu Allah yang tidak berkesempatan untuk berinfaq diluar waktu masjid. Pihak pengurusan masjid juga turut berharap dengan tersedianya tabung berkenaan, segala kesukaran yang dihadapi oleh para dermawan dapat diatasi. Pihak pengurusan masjid amat menyanjung tinggi atas segala perhatian dan sikap ambil berat para tetamu Allah dalam menambah baik pengurusan masjid sambil berinfaq memohon keredhaan dari Allah SWT.



PROGRAM GOTONG-ROYONG BERSAMA SMK SETAPAK INDAH DAN KOLEJ VOKASIONAL

SENARAI AHLI JAWATANKUASA

Ketua Biro (Belia)

En. Muhamad Shalahuddin Bin Muhamad Ajib

Ketua Biro (Beliawanis)

Pn. Armi Binti Muhammed Ramli



SENARAI AHLI JAWATANKUASA**Ketua Biro**

Hj. Kamarudin Bin Ismail

Ahli Jawatankuasa Kerja

En. Abu Bakar Bin Abdullah

En. Ahmad Khairi Bin Mahidin

En. Abdul Latif Bin Abd Rahim

Pematuhan SOP PKP Masjid**Lawatan Pegawai
Penguatkuasa JAWI
(Pematuhan SOP)****Pemasangan Alat
Pemadam Api.*****PROGRAM
PENGHIJAUAN MASJID******Menghadiri Seminar Pencegahan***

SENARAI AHLI JAWATANKUASA

Ketua Biro
Teh Rokiah binti Mohammad Sharif
Setiausaha
Norhanim binti Azman
Bendahari
Sarinah binti Mohd Shariff
Ahli Jawatankuasa Kerja
Armi binti Mohamed
Rosidah binti Shukor
Rosmahwati binti Din
Norsiah binti Ahmad
Rose Liza binti Ramly
Siti Zawiah binti Sahri
Noraihan binti Mokhtar

ANTARA AKTIVITI-AKTIVITI BIRO MUSLIMAT

KULIAH DHUHA MINGGUAN

KULIAH DHUHA PERDANA

PROGRAM KEMBARA MASJID KE MASJID

PROGRAM ZIARAH

PROGRAM LAWATAN

Kuliah Dhuha Bersama Ustaz Dato' Kazim



Kuliah Dhuha Bersama Ustaz Shamsul Debat



Kuliah Dhuha Khas Bersama Pu Azman & Ustazah Nurul Hidayah



Program khas Dakwah Penuh Ukhwah Bersama 16 orang Asatizah



Daurah kitab bersama Ustazah Asma' Harun



Dari Masjid Ke Masjid...Ke Masjid Sri Sendayan



Kuliah Dhuha Perdana Bersama Ustaz Abdul Samad**Bual Bicara Bersama
Ustaz Don Daniyal & Ustazah Asni Mansor****World Quran Hour****Kuliah Dhuha Bersama Oki Setiana Dwi****Program Lawatan Ke Kilang Al-Quran**

SENARAI AHLI JAWATNKUASA.

Ketua Biro

En. Zul Azri Bin Md Nasir

Bendahari

En. Ahmad Khairi Bin Mahidin

Wakil Taman Ibu Kota

Tn. Hj Mohd Yunos Bin Hashim

Wakil Taman Danau Kota

Dato Haji Hasan Bin Mohd Amin

Wakil Taman Setapak Indah

En. Ahmad Zamri Bin Hj. Hasan


MASJID IBN ABBAS
Taman Ibu Kota, Kuala Lumpur



Jom Menderma!

**BANTUAN KHAS
KEPERLUAN ASASI
KEPADASNAF**

"Dan pada harta-harta mereka ada hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang tidak mendapat bagian,"
Surah Az-Zariyat : Ayat 19

PIHAK MASJID IBN ABBAS AKAN MENGEDAR BANTUAN BARANGAN ASASI
KEPERLUAN RUMAH KEPADA ASNAF, OKU,
& AHLI KARIAH YANG MEMERLUKAN SETIAP BULAN.

UNTUK PERTANYAAN
SILA HUBUNGI :
EN. ZUL AZRI 017-567 5761

INFAQ TUNAI BOLEH DISALURKAN KE AKAUN :
Maybank 5642 2163 6512
MASJID IBN ABBAS

PROGRAM BANTUAN KHAS PKPB KEPADA ASNAF



23 Oktober 2020

Program menyantuni asnaf, OKU dan ibu tunggal dalam memberi sumbangan berupa makanan asas dan sedikit sumbangan berupa wang.

Projek insyaAllah akan diteruskan dengan sokongan dan sumbangan dari penderma yang prihatin. Program bermula sekitar jam 10.00 pagi dan selesai dalam jam 11.00 pagi dan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

INFAQ TUNAI BOLEH DISALURKAN KE AKAUN :

 **Maybank 5642 2163 6512**

MASJID IBN ABBAS